



**GARIS PANDUAN PEMBAYARAN BALIK YURAN
KEAHLIAN BADAN PROFESIONAL/PERSATUAN
AKADEMIK BAGI PEGAWAI LEMBAGA GETAH
MALAYSIA**

KANDUNGAN

1.0	TUJUAN	3
2.0	SYARAT DAN KELAYAKAN	3
3.0	YURAN KEAHLIAN YANG DIBENARKAN	4
4.0	TATACARA PERMOHONAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK	5
5.0	CARTA ALIR PERMOHONAN PEMBAYARAN BALIK YURAN KEAHLIAN	5
6.0	SENARAI BADAN PROFESIONAL/PERSATUAN AKADEMIK YANG DIBENARKAN	5
7.0	TARIKH KUAT KUASA	5

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan ini disediakan untuk menerangkan mengenai tuntutan pembayaran balik yuran keahlian badan profesional/persatuan akademik bagi pegawai Lembaga Getah Malaysia.
- 1.2 Pembayaran balik yuran keahlian merupakan kemudahan kepada pegawai yang layak bagi membolehkan pegawai menjalankan tugas hakiki dan tugas rasmi serta mengamalkan profesionnya.

2.0 SYARAT DAN KELAYAKAN

2.1 Prinsip utama pembayaran balik yuran keahlian:

- a) Prinsip utama pemberian tuntutan bayaran balik keahlian di dalam sesuatu badan profesional adalah keahlian badan profesional yang diwajibkan oleh sesuatu Akta/Peraturan bagi membolehkan suatu skim perkhidmatan/ seseorang pegawai menjalankan tugas profesionalnya di dalam sektor perkhidmatan awam.
- b) Terdapat peruntukan yang jelas di dalam Akta/Peraturan berkaitan yang menetapkan bahawa seseorang pegawai **wajib berdaftar** dengan badan profesional tersebut bagi membolehkan mereka menjalankan tugas profesionalnya secara rasmi mengikut peraturan yang ditetapkan.
- c) Sekiranya **pegawai masih boleh menjalankan tugas jawatannya tanpa perlu menjadi ahli dan keahlian di dalam badan profesional** tersebut adalah sebagai nilai tambah kepada pegawai, maka tuntutan bayaran balik tidak dipertimbangkan.

2.2 Pembayaran balik yuran keahlian tertakluk kepada kriteria berikut:

- a) Dibenarkan bagi pegawai lantikan tetap dan kontrak.
- b) Pegawai hendaklah menjalankan tugas mengikut jawatan dan skim perkhidmatannya yang berkaitan.
- c) Keperluan keahlian badan profesional disarankan oleh Ketua Pengarah/Timbalan Ketua Pengarah/Pengarah Bahagian atau ditetapkan oleh Pengurusan LGM.
- d) Pendaftaran sebagai Ahli Badan Profesional merupakan suatu keperluan bagi membolehkan pegawai menjalankan tugas di Lembaga Getah Malaysia.
- e) Pendaftaran badan profesional yang dibolehkan membuat tuntutan pembayaran mengikut Senarai Badan Profesional Yang Dibenarkan.
- f) Ketua Pengarah dibenarkan untuk melaksanakan pindaan, penambahbaikan atau perubahan kepada Garis Panduan Pembayaran Balik Yuran Keahlian dan

Senarai Badan Profesional/Persatuan Akademik berdasarkan keperluan dan kesesuaian LGM.

- g) Bagi keahlian badan profesional selain daripada senarai tetapi mempunyai kepentingan di dalam perkhidmatan, pegawai boleh mengemukakan permohonan kepada Unit Pembangunan Sumber Manusia dengan sokongan Pengarah Bahagian/Ketua Unit dan seterusnya dibentangkan kepada Ketua Pengarah LGM untuk kelulusan. Permohonan hendaklah dikemukakan dengan justifikasi;
- i. Nyatakan keperluan akta atau keperluan lain yang memerlukan pegawai menjadi ahli kepada sesebuah badan profesional tersebut;
 - ii. Kepentingan menjadi ahli badan profesional tersebut bagi menjalankan tugas rasmi;
 - iii. Manfaat keahlian badan profesional kepada LGM secara keseluruhan.
- h) Pegawai hanya layak menuntut bayaran balik yuran keahlian terhad kepada dua (2) badan/persatuan profesional pegawai itu menjadi ahli dalam satu (1) tahun kalendar.

3.0 YURAN KEAHLIAN YANG DIBENARKAN

3.1 Jenis pembayaran balik yuran seperti berikut:

- i. Yuran pemprosesan;
- ii. Yuran pendaftaran; dan
- iii. Yuran pembaharuan keahlian

3.2 Tuntutan pembayaran balik yang dibenarkan mengikut tempoh berikut:

Perkara	Tempoh
i. Yuran pemprosesan ii. Yuran pendaftaran	Sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan.
Yuran pembaharuan keahlian tahunan	Setiap tahun.


3.3 Yuran tahunan keahlian adalah **tidak** termasuk bayaran peperiksaan, bayaran pemprosesan, keahlian perpustakaan, caj fi, denda, *assessment*, langganan majalah dan sebagainya.

3.4 Kemudahan ini diberikan dalam bentuk bayaran balik (kadar sebenar) yang disertakan dengan resit asal untuk tahun semasa sahaja.

4.0 TATACARA PERMOHONAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK

- 4.1 Tuntutan bayaran balik hendaklah dibuat dalam tahun semasa.
- 4.2 Tuntutan bayaran perlu diserahkan kepada Unit Pembangunan Sumber Manusia **dalam tahun semasa** resit asal pembayaran.
- 4.3 Tuntutan bayaran balik hendaklah diperakukan oleh Ketua Jabatan terlebih dahulu sebelum dimajukan ke Unit Pembangunan Sumber Manusia.

5.0 CARTA ALIR PERMOHONAN PEMBAYARAN BALIK YURAN KEAHLIAN



6.0 SENARAI BADAN PROFESIONAL/PERSATUAN AKADEMIK YANG DIBENARKAN

Senarai Badan Profesional/Persatuan Akademik yang diluluskan adalah seperti berikut:

BIL	BIDANG	BADAN PROFESIONAL		PERSATUAN AKADEMIK	
		DALAM NEGARA	LUAR NEGARA	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA
1.	Sains & Teknologi	Institut Kimia Malaysia (IKM)			

7.0 TARIKH KUAT KUASA

- 7.1 Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa **mulai 15 Disember 2025**.



**BORANG TUNTUTAN BAYARAN YURAN KEAHLIAN BADAN
PROFESIONAL/PERSATUAN AKADEMIK**

MAKLUMAT PEGAWAI PEMOHON	
Nama	
No. Kad Pengenalan	
Jawatan	
Gred Jawatan	
Bahagian/Unit	
MAKLUMAT AKAUN BANK PEMOHON	
No. Akaun Bank	
Nama Bank	
MAKLUMAT BADAN PROFESIONAL/PERSATUAN AKADEMIK	
Nama Badan Profesional/Persatuan Akademik	
Alamat	
No. Resit Rasmi	
<i>(Sila lampirkan resit rasmi asal atau salinan yang telah disahkan sekiranya menggunakan resit cetakan komputer)</i>	
MAKLUMAT TUNTUTAN BAYARAN	
Yuran Pendaftaran Keahlian	RM
Yuran Pembaharuan Keahlian Tahunan/Yuran Tahunan	RM
Jumlah	RM

PERAKUAN KETUA JABATAN

Permohonan ini telah disemak dan disahkan bahawa:

- i. pegawai adalah layak selaras dengan Garis Panduan Bayaran Yuran Keahlian Badan Profesional/Persatuan Akademik Bagi Pegawai Lembaga Getah Malaysia (LGM); dan
- ii. pegawai **wajib** mendaftar sebagai ahli badan profesional/Persatuan Akademik yang dipohon bagi membolehkan pegawai menjalankan tugas hakiki dan tugas rasmi beliau demi kepentingan perkhidmatan.

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Cop rasmi :

Catatan:

Ketua Jabatan: KP/TKP/Pengarah Bahagian/Ketua Unit/Pengurus Stesen/Rektor/Pengarah Wilayah/Negeri

PENGESAHAN BAHAGIAN SUMBER MANUSA (potong mana yang tidak berkaitan)

Permohonan ini telah disemak dan disahkan bahawa tuntutan pegawai adalah **mematuhi/tidak mematuhi** syarat tuntutan di bawah Garis Panduan Bayaran Yuran Keahlian Badan Profesional/Persatuan Akademik Bagi Pegawai Lembaga Getah Malaysia (LGM).

Ulasan:

.....
.....

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Cop rasmi :

UNTUK KEGUNAAN KERANI KEWANGAN UPSM

Tarikh terima:

Dokumen lengkap untuk diproses:

☐

Penyedia: